

TINJAUAN TAHAP PENGUASAAN PEMIKIRAN KRITIS DAN KEMAHIRAN MENYELESAIKAN MASALAH DALAM KALANGAN PELAJAR PISMP SEMESTER 3

DR. KAMISAH BUANG¹, HASLINA MUHAMAD, ZALIFAH MANSOR
IPG Kampus Tun Hussein Onn
kamisah@iptho.edu.my

ABSTRAK

Kajian berbentuk tinjauan ini melibatkan pentaksiran secara langsung melalui penilaian sendiri terhadap item tujuh elemen kemahiran insaniah. Instrumen Soal Selidik kemahiran insaniah digunakan bagi mengumpul data yang dianalisis berdasarkan perbandingan peratus bagi setiap item. Responden merupakan 157 orang pelajar semester tiga yang mengikuti Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan dalam pengkhususan Bahasa Melayu, Pendidikan Islam dan TESLambilan Jun 2021. Dapatan keseluruhan tahap Pemikiran Kritis Dan Kemahiran Menyelesaikan Masalah menunjukkan sebahagian besar daripada responden memberi pandangan Setuju dan Sangat Setuju terhadap semua item yang dikaji. Hal ini menunjukkan bahawa sebahagian besar pelajar semester tiga telah mempunyai pemikiran yang kritis dan berupaya menyelesaikan masalah-masalah yang dihadapi sepanjang pengajian. Sebahagian daripada responden masih perlukan bimbingan lanjut dalam beberapa item. Ringkasnya, program latihan perlu dilaksanakan dengan memberi penekanan yang seimbang antara akademik dan kemahiran insaniah khususnya dalam pemikiran kritis dan kemahiran menyelesaikan masalah.

Kata Kunci: Kemahiran insaniah, Pemikiran kritis, Kemahiran menyelesaikan Masalah

1.0 PENDAHULUAN

Perkembangan pendidikan hari ini dengan sendiri memperluas peranan guru sebagai pendidik yang mengajar ilmu dan kemahiran, melaksanakan tugas-tugas lain dalam akedamik, mengurus aktiviti bukan akademik, merancang dan mengurus program pendidikan, membantu pengurusan organisasi dan tugas lain dari peringkat sekolah hingga ke peringkat antarabangsa. Dalam melaksanakan kepelbagaian tugas yang sentiasa pantas berubah, guru perlu mempunyai kompetensi dalam mengurus, memimpin, berkomunikasi dengan berkesan, mampu menyelesaikan masalah serta mempunyai etika kerja yang cemerlang. Guru yang kompeten adalah guru yang terlatih, berwibawa dan mempunyai kecekapan dalam pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah dan di luar bilik darjah (Mohamad Salleh Abu et. al, 2009).

2.0 LATAR BELAKANG KAJIAN

Kajian ini dilaksanakan sejajar dengan matlamat dan hala tuju pendidikan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 (PPPM 2013-2025) yang telah menyediakan kerangka pembangunan pendidikan dengan fasa-fasa pelaksanaan, aspirasi dan anjakan yang perlu dihayati dan dilaksanakan dengan kerjasama padu semua pihak. PPPM 2013-2025 menetapkan pencapaian aspirasi membentuk identiti nasional yang kukuh melalui penghayatan prinsip Rukun Negara yang diperlukan untuk kejayaan masa depan Malaysia.

Semua kurikulum dalam pendidikan tinggi di Malaysia harus mempunyai reka bentuk yang menerapkan kemahiran generik (KPT, 2006). Lukman (2005) menyatakan, IPT yang berkualiti mampu melahirkan graduan yang cemerlang dalam bidang akademik dan kemahiran lain termasuk kepimpinan, kemahiran komunikasi, nilai murni dan sebagainya. Dapatan kajian ini penting kerana pemikiran kritis dan kemahiran menyelesaikan masalah merupakan elemen penting dalam kemahiran insaniah. Berdasarkan keperluan semasa dalam pelaksanaan kurikulum, kualiti pendidik perlu diberi keutamaan dan perlu berada pada tahap tinggi.

3.0 PERNYATAAN MASALAH

Kajian yang dijalankan oleh Mohamad Salleh Abu et. al, (2009) menunjukkan bahawa beberapa elemen mencatatkan min yang kurang memuaskan dan perlu ditingkatkan iaitu kemahiran komunikasi, kemahiran menyelesaikan masalah, kemahiran pembelajaran sepanjang hayat dan nilai sendiri. Kebanyakan graduan yang dilahirkan tidak menepati ciri-ciri yang diperlukan oleh sektor kerajaan mahu pun swasta dari segi pemikiran. Selain kaedah pengajaran yang kurang berkesan, teknik pengajaran yang tidak melibatkan soalan-soalan kognitif aras tinggi merupakan faktor yang menyebabkan pemikiran kritis dalam kalangan pelajar tidak dapat dicapai (Marlina & Shaharom, 2010).

Walaupun Kementerian Pendidikan Malaysia telah memasukkan unsur-unsur kemahiran berfikir secara kritis dan kreatif di peringkat sekolah, namun proses pembelajaran di Institusi Pengajian Tinggi lebih mementingkan pemerolehan fakta dan data menyebabkan pelajar tidak berpeluang menggunakan ilmu berfikir secara kritis yang telah dipelajari (Ab Gani, et al., 2001).

Justeru, kajian ini meninjau tahap kemahiran pelajar di Institut Pendidikan Guru bagi mengenal pasti tahap penguasaan pelajar dalam elemen kemahiran insaniah pemikiran kritis dan kemahiran menyelesaikan masalah.

4.0 TUJUAN KAJIAN

Secara umumnya tujuan kajian ini adalah bagi meninjau tahap penguasaan kemahiran insaniah yang melibatkan 199 orang pelajar Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan Pendidikan (PISMP) Ambilan Jun 2021 yang sedang mengikuti pengajian di Institut Pendidikan Guru Kampus Tun Hussein Onn (IPGKTHO).

5.0 OBJEKTIF KAJIAN

Objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti tahap penguasaan satu daripada tujuh elemen kemahiran insaniah yang terkandung dalam Instrumen Kualiti Siswa Guru (IKSG) dan diberi penekanan oleh Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia iaitu pemikiran kritis dan kemahiran menyelesaikan masalah dalam kalangan pelajar. Secara khususnya, objektif kajian ini ialah Mengenal pasti tahap amalan bagi enam item dalam pemikiran kritis dan kemahiran menyelesaikan masalah secara kritis iaitu;

- i. Memberi idea baharu bagi menyelesaikan suatu tugas.
- ii. Berupaya menganalisis masalah untuk mencari penyelesaian.
- iii. Mampu berfikir di luar kotak pemikiran.
- iv. Berkebolehan membuat keputusan berdasarkan bukti yang kukuh.
- v. Berdaya tahan dalam menghadapi tanggungjawab berat yang diberikan.
- vi. Berkebolehan menyesuaikan diri kepada budaya persekitaran kerja yang baharu.

6.0 PERSOALAN KAJIAN

Secara khususnya data kajian diperoleh untuk menjawab persoalan kajian yang merujuk elemen utama untuk menjawab soalan : Apakah tahap amalan pemikiran kritis dan kemahiran menyelesaikan masalah secara kritis dalam kalangan pelajar PISMP semester tiga.

7.0 KEPENTINGAN KAJIAN

Penguasaan Pemikiran Kritis Dan Kemahiran Menyelesaikan masalah penting dalam melahirkan pelajar IPG yang berupaya melaksanakan pelbagai tugas di sekolah kelak. Guru perlu mempunyai kemahiran pelbagai, mampu bergerak antara sektor, bersedia menghadapi perubahan, optimis, sentiasa ingin belajar dan berupaya menangani perubahan budaya di tempat kerja (Norazila Mat et al, 2015). Guru perlu mempunyai kemahiran yang bersesuaian dengan keperluan pendidikan semasa disamping kemahiran pedagogi dalam tugas hakiki.

8.0 BATASAN KAJIAN

Kajian ini terbatas kepada populasi yang terlibat dalam kajian ini sahaja iaitu seramai 199 orang pelajar PISMP opsyen Teaching English as Second Language (TESL), Bahasa Melayu dan Pendidikan Islamambilan Jun 2021 yang ketika ini berada dalam semester 1 tahun 2. Data yang dikumpul adalah terbatas kepada penguasaan enam item dalam pemikiran kritis dan kemahiran menyelesaikan masalah.

9.0 TINJAUAN LITERATUR

Pandangan pengkaji dan penulis dijadikan sandaran bagi pelaksanaan kajian ini dan dinyatakan sumbernya setiap satu. Pelajar yang berfikir secara kritis membuat penilaian sama ada hendak menerima sesuatu alasan itu sebagai munasabah, menggunakan kriteria atau nilai tara yang dipersetujui untuk menilai alasan berkenaan, menggunakan pelbagai strategi penaakulan dalam pelaksanaan kriteria atau standard tersebut dan mencari maklumat yang boleh dipercayai sebagai bukti untuk menyokong keputusan yang dibuat (Rudd, Baker & Hoover, 2000).

Pelajar boleh diajar berfikir secara kritis, belajar cara menyoal, serta belajar bagaimana menaakul (Fisher, 2001). Malangnya tidak semua orang menggunakan pemikiran kritikal semasa menyelesaikan masalah kerana kurangnya kesedaran sendiri dan ciri lain yang membolehkan mereka menginterpretasikan dan menilai bahan (Walker, 2003). Ringkasnya, pemikiran kritis dan kemahiran menyelesaikan masalah tidak terbentuk dengan sendiri melalui kuliah dan tutorial dalam bilik darjah, atau interaksi melalui media sosial. Sebaliknya, kemahiran insaniah ini perlu dibangunkan melalui pelbagai pengalaman pembelajaran di dalam dan di luar bilik darjah dengan jaringan sosial dan komuniti yang sesuai dengan konteks tugas pendidik.

10.0 .METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini merupakan satu tinjauan yang melibatkan populasi 199 orang pelajar Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PISMP) opsyen Bahasa Melayu, Pendidikan Islam dan TESLambilan Jun 2021. Pemilihan sampel adalah secara bertujuan untuk mengenal pasti tahap penguasaan pelajar yang telah melalui pengalaman satu tahun Program Persediaan dan tiga semester dalam pengajian Ijazah Sarjana Muda.

10.1 INSTRUMEN

Item kajian ini merupakan sebahagian daripada instrumen Kualiti Pelajar yang digunakan oleh IPGM dalam menilai kualiti pelajar di 27 buah kampus di seluruh negara.

Pelajar perlu menilai sendiri tahap kompetensi masing-masing dengan memberi persetujuan berdasarkan skala likert 5 terhadap item yang dinyatakan dalam instrumen. Dalam konteks kajian ini instrumen Soal Selidik ditadbir menggunakan *Google Form* yang terdiri daripada enam item dalam Bahagian B3 Iaitu Pemikiran Kritis Dan Kemahiran Menyelesaikan Masalah.

11.0 PENGANALISISAN DATA

Keseluruhan data yang diperoleh dianalisis secara deskriptif berdasarkan perkiraan peratus. Data dikumpul berdasarkan penilaian sendiri pelajar terhadap kompetensi yang ada pada diri mereka. Pelajar memberi penilaian diri dengan menyatakan persetujuan melalui pilihan tahap persetujuan iaitu ‘Sangat Setuju’, ‘Setuju’, ‘Tidak Pasti’, ‘Tidak Setuju’ dan ‘Sangat Tidak Setuju’. Data dipaparkan menggunakan jadual dan graf bagi memudahkan analisis perbandingan.

12.0 DAPATAN KAJIAN

Dapatan kajian ini relevan bagi meneliti semula peranan dan keberkesanan latihan di institusi pendidikan dalam membangun modal insan guru yang mempunyai pemikiran kritis dan cemerlang dalam menyelesaikan masalah. Hal ini adalah kerana siswa guru yang terlibat dalam kajian ini akan berhadapan dengan cabaran dunia pendidikan menjelang tempoh dua tahun akan datang. Kelompok ini tidak terkecuali untuk bersama-sama menggalas tanggungjawab mencapai aspirasi kemenjadian murid yang seimbang cemerlang dalam aspek, jasmani emosi, rohani, intelek, sosial serta kemahiran insaniah.

Analisis menunjukkan responden terdiri daripada Lelaki 15 orang atau 9.6% dan responden Perempuan seramai 142 atau 90.4%. 70 orang atau 44.6% daripada responden adalah pelajar yang mempunyai latar belakang pendapatan isi keluarga iaitu pendapatan ayah dan pendapatan ibu di bawah RM4000. Manakala, 87 orang atau 55.4 adalah pelajar daripada keluarga yang berpendapatan lebih RM4000.

Manakala analisis item latar belakang lokasi tempat tinggal menunjukkan responden yang berasal dari lokasi tempat tinggal di pedalaman seramai 11 orang atau 7%, pinggir bandar 80 orang atau 42% dan responden dari bandar 66 orang atau 51%. Manakala menjadi seorang guru merupakan cita-cita asal menunjukkan 96 orang atau 61.1% responden menyatakan Ya dan seramai 61 orang atau 38.9% memberikan jawapan Tidak. Analisis item A5 Opsyen menunjukkan responden daripada Opsyen Bahasa Melayu seramai 77 orang atau 49%, TESL 25 orang atau 5.91% dan opsyen Pendidikan Islam 55 orang atau 35%.


Pendapatan keluarga, tempat tinggal dan cita-cita merupakan perkara-perkara yang perlu diambil kira dalam menentukan pencapaian pelajar. Pelajar yang merupakan siswa guru perlu cemerlang dalam menguasai isi kandungan kurikulum, kemahiran pedagogi, sahsiah, kemahiran insaniah dan aspek-aspek lain. Analisis semua enam item dalam Pemikiran Kritis dan Kemahiran Menyelesaikan Masalah menunjukkan sebahagian besar responden menyatakan setuju dan sangat setuju. Berdasarkan analisis didapati sebilangan kecil menyatakan Tidak Setuju bagi semua item. Berdasarkan analisis semua elemen, didapati ramai responden yang memilih Tidak Pasti bagi enam item dalam elemen Pemikiran Kritis dan Kemahiran Menyelesaikan Masalah. Analisis respons menunjukkan 4.5% hingga 17.2% daripada 157 orang memilih Tidak Pasti.

Jadual 1: Analisis Responden yang memilih Tidak Pasti Bagi Elemen Pemikiran Kritis dan Kemahiran Menyelesaikan Masalah

| Item | Kemahiran | Jumlah | Peratus (%) |
|------|---|--------|-------------|
| B3.1 | Memberi Idea Baharu Bagi Menyelesaikan Suatu Tugas | 19 | 12.1 |
| B3.2 | Berupaya Menganalisis Masalah Untuk Mencari Penyelesaian | 23 | 14.6 |
| B3.3 | Mampu Berfikir Di Luar Kotak Pemikiran | 39 | 24.8 |
| B3.4 | Berkebolehan Membuat Keputusan Berdasarkan Bukti Yang Kukuh | 23 | 14.6 |
| B3.5 | Berdaya Tahan Dalam Menghadapi Tanggungjawab Berat Yang Diberikan | 24 | 15.3 |
| B3.6 | Kebolehan Menyesuaikan Diri Kepada Budaya Persekitaran Kerja Baharu | 22 | 14 |

Ringkasnya, analisis keseluruhan bagi elemen Pemikiran Kritis dan Kemahiran Menyelesaikan Masalah menunjukkan 1 orang responden atau 0.6% yang menyatakan Tidak Setuju bagi item Berupaya Menganalisis Masalah Untuk Mencari Penyelesaian, 2.5% Tidak Setuju bagi item Mampu Berfikir di Luar Kotak Pemikiran, 1.3% Tidak setuju bagi item Berkebolehan Membuat Keputusan Berdasarkan Bukti Kukuh, masing-masing 0,6% dan 1.9% Sangat Tidak Setuju dan Tidak Setuju bagi item Berkebolehan Menyesuaikan Diri Kepada Budaya Persekitaran Kerja Yang Baharu.

Manakala analisis responden yang memilih Tidak Pasti bagi elemen Kemahiran Pemikiran Kritis dan Kemahiran Menyelesaikan Masalah dijelaskan dalam bentuk graf sebagai perbandingan.



Rajah 1: Graf Perbandingan Peratus (%) Responden Yang Memilih Tidak Pasti Bagi Elemen Pemikiran Kritis dan Kemahiran Menyelesaikan Masalah

13.0 RUMUSAN

Keseluruhan analisis item kemahiran insaniah dalam elemen Pemikiran Kritis dan Menyelesaikan Masalah menunjukkan bahawa sebahagian besar pelajar menilai diri dengan penguasaan pada tahap setuju dan sangat setuju. Sebilangan kecil daripada responden menyatakan pandangan tidak pasti dan tidak setuju. Dapatan ini menunjukkan ada kekuatan yang boleh diketengahkan dalam program-program pengayaan sama ada pada peringkat kampus atau peringkat kebangsaan dan luar negara. Perluasan bakat ini akan memberi peluang kepada pelajar untuk meningkatkan kemahiran insaniah. Pada masa yang sama, kajian ini menunjukkan ada sekelompok pelajar yang perlukan bimbingan lebih intensif untuk meningkatkan keupayaan pemikiran kritis dan kemahiran menyelesaikan masalah.

14.0 PERBINCANGAN

Penguasaan kemahiran Pemikiran Kritis dan Kemahiran Menyelesaikan Masalah memerlukan siswa guru melalui peringkat-peringkat menyelesaikan masalah dari proses mengenal pasti masalah, mencari dan memilih maklumat yang berkaitan, merancang strategi yang praktikal menuju kepada penyelesaian, bertindak menyelesaikan masalah, menilai keberkesanan dan membuat refleksi.

Dapatan ini menyokong pandangan Mashitah (2008) bahawa dalam konteks sistem pendidikan tinggi negara, penerapan Kemahiran Insaniah (KI) amat diperlukan bagi melahirkan para graduan berketrampilan dalam misi pembentukan modal insan kelas pertama. Pemahaman terhadap permasalahan semasa perlukan pengembangan kemahiran berfikir secara kritis di samping mengamalkan sikap beretika, berkerjasama secara efektif dan meneroka pelbagai bidang ilmu untuk keperluan semasa.

i Memberi Idea Baharu

Idea baharu sangat penting dalam meningkatkan keberkesanan pengajaran dan pembelajaran. Seorang pelajar perlu berupaya memberi idea baharu bagi menyelesaikan suatu tugas. Kemahiran memberi idea baharu sangat perlu bagi seorang bakal guru bagi memacu kreativiti. Kemahiran ini memainkan peranan sebagai entiti penting dalam melonjakkan pendidikan sebagai bidang yang berupaya maju. Tahap amalan yang tinggi sangat penting dalam memastikan pendidikan berkembang selari dengan perubahan semasa.

Kemahiran ini membantu guru lebih berdikari dalam menghadapi situasi-situasi kritikal tanpa mengharap dan bergantung kepada bantuan atau subsidi daripada pihak lain. Kemahiran menyelesaikan masalah amat diperlukan sebagai suatu pendekatan pengajaran dan pembelajaran bagi melahirkan generasi yang memiliki kecemerlangan akademik dan terbilang dengan ciri-ciri modal insan (Faridah & Tengku Sarina, 2008).

Justeru program latihan yang dilaksanakan diinstitusi pengajian tinggi perlu menuju ke arah mempersiapkan pelajar yang sentiasa bersedia dan berdaya saing untuk terus kompetitif dan relevan sepanjang tempoh berkhidmat.

ii Berupaya Menganalisis Masalah

Kemahiran menganalisis penting dalam menyelesaikan dan perlu dipupuk dalam kalangan pelajar. Pelajar perlu berupaya menganalisis masalah untuk mencari penyelesaian terutamanya dalam isu berkaitan pengajaran dan pembelajaran. Penyedia latihan perlu cakna

terhadap 0.6% responden yang menyatakan Tidak Setuju, dan 14.6% Tidak Pasti terhadap kemampuan menganalisis masalah untuk mencari penyelesaian.

Peratus yang tinggi dalam kajian ini menunjukkan siswa guru mempunyai tahap kesediaan yang tinggi dalam menganalisis masalah. Siswa guru berupaya menganalisis masalah bermula dari mencari maklumat serta meneroka peluang untuk menyelesaikan masalah, khususnya yang berkaitan dengan pengajaran dan pembelajaran.

Pelaksanaan program latihan perlu memberi peluang kepada pelajar untuk melalui proses menganalisis masalah dan melalui proses mengaplikasikan kemahiran pemikiran aras tinggi dan memperkembang kreativiti. Dalam proses menganalisis dan menyelesaikan masalah, pelajar turut menggunakan kemahiran mengurus masa dengan berkesan.

Faridah dan Tengku Sarina Aini (2008) menjelaskan pelajar IPT merupakan golongan muda yang menghadapi cabaran hebat untuk menghadapi pelbagai isu dan dilema yang boleh meruntuhkan akhlak. Justeru, pendidikan berorientasikan isu, dilema, dan konflik amat penting bagi mendedahkan siswa guru kepada pengalaman sosial dan budaya yang kompleks untuk membentuk mereka menjadi lebih kritis. Kepelbagaian masalah di sekeliling boleh meningkatkan kemampuan siswa guru dalam menganalisis masalah untuk mencari penyelesaian. Aktiviti berbentuk *hands on* dalam program latihan sangat penting bagi membentuk pembelajaran aktif dan mendorong siswa guru bertindak aktif berfikir secara kritis, menganalisis masalah dan menilai semula keberkesannya.

iii Mampu Berfikir di Luar Kotak Pemikiran

Berfikir di luar kotak sangat perlu dalam menangani banyak perkara yang tidak terduga. Semua pelajar perlu mampu berfikir di luar kotak pemikiran dalam menghadapi situasi-situasi tertentu. Bagi 2.5% responden yang menyatakan Tidak Setuju, mereka perlu.

Persaingan dunia global hari ini perlukan siswa guru keluar dari kepompong yang biasa dan selesa. Sebaliknya, perlu berupaya kreatif dalam berfikir di luar jangkaan untuk meneraju kecemerlangan dalam pendidikan. Dalam berfikir di luar kotak siswa guru perlu memiliki kekuatan dalaman untuk berhadapan dengan cabaran baharu, menerima situasi yang asing, berhadapan dengan kritikan dan melalui pengalaman baharu di luar zon selesa.

Sebagai bakal pendidik, siswa guru yang dilahirkan oleh IPG perlu kritis dalam melihat setiap masalah pendidikan atau bermasalah dalam pengajaran dan pembelajaran daripada sudut yang berbeza. Masalah-masalah keciciran dalam akademik dan masalah disiplin di peringkat sekolah rendah perlukan warga pendidik berfikir di luar kotak untuk menyelesaikan masalah yang spesifik dengan pendekatan yang unik dan khusus berdasarkan kes tanpa bergantung sepenuhnya panduan yang digubal untuk situasi yang biasa dalam keadaan normal.

Kekuatan dalaman untuk merealisasikan berfikir di luar kotak ialah semasa menggerakkan diri untuk meninggalkan amalan kerja yang biasa dan keluar merentas batasan-batasan yang biasa dan peraturan yang biasa. Lazimnya, tindakan dari berfikir di luar kotak dan menghasilkan input kreatif akan memberi kejutan kepada orang di sekeliling.

Situasi ini boleh menimbulkan pelbagai persepsi dan reaksi sama ada positif atau negatif daripada rakan sekerja. Perkara yang paling mencabar adalah untuk menerima kegagalan dan belajar daripada kesilapan atau kelemahan. Siswa guru perlu belajar menerima kritikan dengan fikiran positif sekiranya usaha tidak berjaya. Dapatan kajian ini menyokong pandangan Faridah dan Tengku Sarina Aini (2008) yang menjelaskan bahawa kurikulum pengajaran yang menekankan proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) berbentuk fakta dan isi kandungan perlu diintegrasikan dengan pelbagai aktiviti penerapan pemikiran kritis dan kemahiran menyelesaikan masalah. Pembelajaran di luar bilik darjah dan pembelajaran kontekstual adalah seperti melalui pembelajaran sendiri bermodul, Pembelajaran berasaskan

Masalah, Projek Berorientasikan Masalah dan pembentangan memberi peluang siswa guru untuk berfikir di luar kotak pemikiran.

Jelaslah, bahawa siswa guru perlu mempunyai keyakinan yang tinggi dalam mengorak langkah dan memainkan peranan baharu dalam pendidikan. Berfikir di luar kotak perlukan pengorbanan untuk mengubah rutin harian, merealisasikan sesuatu yang mustahil bagi orang lain, menghasilkan sesuatu yang lebih sesuai dengan peredaran masa dan keadaan.

iv Berkebolehan Membuat Keputusan Berdasarkan Bukti Yang Kukuh

Pelajar perlu Berkebolehan Membuat Keputusan Berdasarkan Bukti Yang Kukuh. Hal ini adalah relevan dengan tugas dan tanggungjawab guru yang perlu berhadapan dengan pelbagai isu dan cabaran. Proses latihan dan penyampaian kurikulum perlu peka terhadap 1.3% responden yang Tidak Setuju dan 14.6% yang menyatakan Tidak Pasti terhadap Berkebolehan Membuat Keputusan Berdasarkan Bukti Kukuh terutamanya menghadapi isu-isu kritikal yang timbul di bilik darjah.

Membuat keputusan adalah satu tugas berat yang melibatkan proses yang kompleks. Berdasarkan dapatan kajian, min yang tinggi menunjukkan siswa guru telah bersedia untuk melalui langkah-langkah awal sebelum membuat keputusan. Mereka telah bersedia untuk meneliti dan mengenal pasti keperluan atau asas-asas kepada keputusan yang akan dibuat. Membuat keputusan yang tepat, bermakna dan menjadi solusi kepada semua pihak perlukan satu proses mental yang jitu untuk membuat satu pilihan yang terbaik. Dalam menangani isu pendidikan, keputusan yang dianggap terbaik perlu berdasarkan kepada matlamat, hala tuju atau standard organisasi yang telah dipersetujui bersama-sama dan menjadi penyelesaian kepada masalah yang telah dikenal pasti.

Kebilehan membuat keputusan perlukan siswa guru membuka minda dan menerima input daripada pelbagai sumber dan maklumat. Dalam proses membuat keputusan siswa guru perlu melakukan penyelidikan terlebih dahulu, belajar bahasa untuk menzahirkan satu rumus yang baharu dan segar di luar dan memberi impak bermakna kepada organisasi atau dalam bidang pendidikan. Robin Forgarty dan James Bellanca (2003) menegaskan bahawa latihan perlu melatih seseorang untuk berfikir dan berupaya membuat keputusan dengan membuat pilihan berdasarkan pertimbangan yang munasabah. Robin Forgarty dan James Bellanca mengkategorikan kemahiran membuat keputusan sebagai seorang yang mempunyai pemikiran kritis. Jelasnya, membuat keputusan sinonim dengan menghakimi, memilih dan mengasingkan.

v Berdaya Tahan Dalam Menghadapi Tanggungjawab

Pelajar perlu Berdaya Tahan Dalam Menghadapi Tanggungjawab sebagai seorang guru sama ada berat atau ringan. Tugas yang diberikan perlu dilaksanakan dengan penuh integriti. Penyedia latihan perlu cakna terhadap 0.6% responden yang menyatakan Sangat Tidak Setuju dan 1.3% Tidak Setuju serta 15.3% yang menyatakan Tidak Pasti. Hal ini kerana individu yang berdaya tahan mempunyai kekuatan dalaman mampu menghadapi pelbagai bentuk cabaran dalam tugas.

Daya tahan perlu dipupuk dalam diri setiap siswa guru bagi menghadapi cabaran perubahan dan terus berupaya kekal cemerlang dalam profesion keguruan. Daya tahan guru perlu sentiasa dipertingkatkan sepanjang masa secara konsisten dengan menilai situasi yang buruk,

menyedari pilihan untuk menangani dan mencapai penyelesaian yang relevan. Min yang tinggi dalam kajian ini menunjukkan bahawa siswa guru mempunyai daya tahan dan mampu menghadapi segala cabaran perubahan dalam dunia pendidikan yang berubah-ubah dan tidak menentu. Daya tahan sangat penting bagi seorang pendidik untuk memanfaatkan perubahan sebagai satu peluang cabaran untuk menjana idea-idea baharu.

Daya tahan dalam kalangan guru masa kini merupakan aspek penting dalam memastikan prestasi guru di negara ini berada pada tahap cemerlang dan dapat mendidik murid menjadi insan cemerlang (Mohd Salmi dan rakan-rakan, 2015). Daya tahan pelajar dapat dijelmakan dalam bentuk kemahiran dan kesungguhan yang menjadi kekuatan yang berkekalan sebagai sebahagian daripada personaliti seorang guru. Bakat dan komitmen siswa guru untuk melakukan yang terbaik dan persekitaran yang suportif adalah faktor paling utama yang menyumbang pembentukan daya tahan yang mampan. Manakala kecerdasan emosi, kecerdasan sosial dan kecerdasan spritual menjadi pendorong kepada pembentukan daya tahan seorang pendidik.

Dapatan kajian ini menyokong pandangan Mohd Salmi dan rakan-rakan (2015) yang menjelaskan bahawa tanpa daya tahan seorang pendidik tidak dapat menjalankan tugas dengan baik, kurang produktif, komitmen terjejas dan boleh mencetuskan tekanan terlalu dan *burnout* dalam kalangan guru. Mohd Salmi dan rakan-rakan menegaskan bahawa seorang guru seharusnya mempunyai daya tahan dan mampu berdepan dengan perkembangan semasa dalam sistem pendidikan di Malaysia.

vi Kebolehan Menyesuaikan Diri

Budaya persekitaran kerja yang baharu boleh memberi kesan positif dan kesan negatif. Kebolehan menyesuaikan diri sangat penting bagi pelajar terutamanya ketika berhadapan pelbagai perubahan dalam dasar dan sistem pendidikan. Pelajar perlu mempunyai kebolehan Menyesuaikan Diri Kepada Budaya Persekitaran Kerja Yang Baharu terutamanya dalam transisi daripada Institusi Pendidikan Guru (IPG) kepada sekolah atau tempat bertugas.

0.6% daripada responden menyatakan Sangat Tidak Setuju, dan 1.9% Tidak Setuju boleh mengalami tekanan sekiranya tidak diatasi dan tidak diberikan panduan yang sewajarnya.

Persekitaran kampus memainkan peranan penting dalam membentuk kecemerlangan siswa guru. Sepanjang tempoh di IPG siswa guru melalui banyak situasi yang memerlukan mereka menyesuaikan diri dengan persekitaran kerja. Kajian ini menyokong pandangan Mohd Salmi dan rakan-rakan (2015) bahawa guru perlu mengambil peluang menyuburkan kecerdasan spiritual, lebih menghayati persekitaran dan alam sekeliling, mendengar muzik, dan menyesuaikan diri dengan rakan-rakan yang boleh mendengar permasalahan diri serta boleh menyumbang kepada kehidupan dan daya tahan diri.

Dalam menjalani Praktikum dan Internship siswa guru belajar menyesuaikan diri dengan proses pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran sebenar di sekolah, sistem pengurusan, struktur akademik, situasi dan iklim rakan-rakan baharu di tempat kerja, pematuhan dasar, peraturan, budaya, sumber, hubungan kerja, lokasi tempat bertugas dan faktor lain yang boleh mempengaruhi tahap prestasi semasa menjalankan tugas.

15.0 IMPLIKASI DAN CADANGAN KAJIAN LANJUTAN

Dapatan kajian ini memberi implikasi kepada pelaksanaan kurikulum latihan itu sendiri. Elemen Pemikiran Kritis dan Kemahiran Menyelesaikan Masalah perlu diterapkan

secara eksplisit dan ditaksir secara formal dalam kurikulum pengajian untuk melahirkan guru yang serba boleh, berfikir pada aras tinggi dan kritis serta cemerlang akhlak dalam tugas realiti di lapangan pendidikan sebenar. Pembangunan Kemahiran Insaniah perlu dibangunkan dan diamalkan melalui program sokongan berfokus akademik, program sokongan bukan akademik atau melalui aktiviti-aktiviti di dalam kampus (KPTM, 2010).

Dapatan kajian ini memberi implikasi kepada pelaksanaan kurikulum latihan itu sendiri. Elemen Pemikiran Kritis dan Kemahiran Menyelesaikan Masalah perlu diterapkan secara eksplisit dan ditaksir secara formal dalam kurikulum pengajian untuk melahirkan guru yang serba boleh, berfikir pada aras tinggi dan kritis serta cemerlang akhlak dalam tugas realiti di lapangan pendidikan sebenar. Pembangunan Kemahiran Insaniah perlu dibangunkan dan diamalkan melalui program sokongan berfokus akademik, program sokongan bukan akademik atau melalui aktiviti-aktiviti di dalam kampus (KPTM, 2010).

Strategi pengembangan pemikiran melalui aktiviti di kampus adalah asas kepada semua tindakan dan tingkah laku yang perlu lebih interaktif melibatkan pembentukan kemahiran menilai maklumat, menilai hujah, menyelesaikan masalah, membuat keputusan dan pelbagai aktiviti lain yang melibatkan keupayaan akal dan keupayaan berfikir dalam menjalankan tugas sebagai pendidik. Menurut Kennedy et al. (1991) pemikiran kritis boleh dilatih dan dikembangkan kerana pemikiran adalah kemahiran yang boleh dibentuk dan diperbaiki dengan kaedah yang sesuai.

Pemikiran kritis sangat penting diterapkan dalam semua aktiviti dalam program pengajian bagi mengembangkan kecekapan pelajar dalam menggunakan minda dan keupayaan intelek untuk menilai kewajaran sesuatu idea, meneliti ketepatan sesuatu fakta, kebaikan dan kelemahan serta membuat pertimbangan. Marlina dan Shaharom (2010) menjelaskan penguasaan Pemikiran Kritis merupakan kebolehan untuk menilai kemunasabahan sesuatu idea sebagai salah satu aspek yang terdapat dalam Kemahiran Insaniah yang dituntut dalam pembangunan modal insan merangkumi definisi iaitu pemikiran baik atau *good thinking* yang dapat berfikir secara baik. Justeru, penekanan yang seimbang perlu diberikan terhadap isi kandungan kurikulum dengan pengembangan pemikiran kritis dan kemahiran menyelesaikan masalah.

16.0 KESIMPULAN

Secara keseluruhannya tahap penyelesaian masalah dan kemahiran insaniah dalam kalangan pelajar amat tinggi. Kemahiran insaniah merupakan aspek yang amat penting diberi perhatian kepada tenaga pengajar di Institut Pendidikan Guru (IPG). Elemen kemahiran pemikiran kritis dan kemahiran menyelesaikan masalah yang dikaji amat memberi impak kepada keberhasilan dan kemenjadian modal insan dalam kalangan pelajar PISMP Semester 3 di IPGKTHO. Justeru, dalam era globalisasi dan menuju kepada kemajuan aspek kemahiran pemikiran kritis dan kemahiran menyelesaikan masalah amat diperlukan dalam pembangunan potensi individu, masyarakat mahupun negara.

Penerapan kemahiran insaniah yang berkesan dalam latihan keguruan juga amat memberi impak kepada proses membentuk kemenjadian pelajar dan perlu dijadikan sebagai elemen yang perlu ditaksir. Siswa guru perlu dilatih dengan kemahiran insaniah agar tahap penguasaan mereka terus dapat dipertingkatkan dan seterusnya dapat melahirkan siswa guru yang kompten dan berdaya saing dalam era globalisasi. Dengan penerapan kemahiran insaniah

siswa guru yang dilatih memberi kesan kepada kemahiran membuat keputusan dan membuat justifikasi dalam segala tindakan. Hal ini, menunjukkan kemahiran insaniah amat penting dalam membentuk guru yang mempunyai ciri kreatif dan inovatif, berupaya menganalisis masalah, berupaya membuat keputusan, berdaya tahan dan bertanggungjawab serta seimbang emosinya dalam berfikir, bertindak dan menyelesaikan masalah rutin dan bukan rutin dengan lebih luwes.

RUJUKAN

- Dewey, J. (1993). *How We Think: A Restatement of the Relation of Reflective Thinking to the Educative Process*. Boston: D. C. Heath.
- James Bellanca and Robin Fogarty, *Blueprints for Achievement in the Cooperative Classroom*. (3rd edition). Pearson Education, 2003, xxviii + 439 pp.
- Kementerian Pendidikan Malaysia, 2016. *Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia PPPM 2013-2025*. Kementerian Pendidikan Malaysia
- Dg.Hafizah Binti Ag.Basir, Ros Aiza Mohd Mokhtar ,Siti Halimah Putung Romzi Ationg (2011) *Pemikiran Kritis Dan Menyelesaikan Masalah*
- Faridah Che Husin & Tengku Sarina Aini Tengku Kasim. (2008). *Pembentukan akhlak mulia mahasiswa melalui penerapan pemikiran kritis dan kemahiran menyelesaikan masalah: Suatu pendekatan dalam pengajaran dan pembelajaran di IPT*. *Prosiding SKIKS 08*. Universiti Malaysia.
- Fisher, G. G. (2001). *Work/personal life balance: A construct development study*. Unpublished doctoral dissertation, Bowling Green State University, Bowling Green, OH
- Kennedy , et al., (1991) *Critical thinking: Literature review and needed research*. Educational values and cognitive instruction: Implication for refprm. Erlbaum.
- Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia (2010) *Modul Pembangunan Kemahiran Insaniah (Soft Skills) untuk Institusi pengajian Tinggi Malaysia*. Universiti Putera Malaysia.
- Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia (2006) *Modul Pembangunan Kemahiran Insaniah (Soft Skills) untuk Institusi pengajian Tinggi Malaysia*. Universiti Putera Malaysia.
- Megat Aman Zahiri (2007). *Kemahiran generik di kalangan guru-guru pelatih*. Universiti Teknologi Malaysia
- Marlina Ali & Shaharom Noordin (2010). *Hubungan antara kemahiran berfikir kritis dengan pencapaian akademik dalam kalangan pelajar Fakulti Pendidikan Universiti Teknologi Malaysia*. *Jurnal Teknologi*, 52. Mei 2010: 45-55. Universiti Teknologi Malaysia.
- Mashitah Sulaiman, 2008. *Penerapan Kemahiran Kerja Berpasukan dan Pengajaran dan Pembelajaran*. *Prosiding Seminar Kemahiran Insaniah dan Kesejahteraan Sosial (SKIKS)*. Jld.1. hlm. 363-376.

Mohd Salleh Abu, Meor Ibrahim Kamaruddin, Zainudin Abu Bakar, Mohd Ali Ibrahim, Megat Aman Zahiri Megat Zakaria & Muhammad Abd Hadi Bunyamin (2009) *Fakulti Pendidikan*. Universiti Teknologi Malaysia.

Mohd Salmi Osman, Maria Chong Abdullah, Abdul Aziz Ismail & Samsilah Roslan (2015) Daya Tahan dalam Kalangan Guru Alaf 21. *International Journal of Education and Training (InjET)* 1(2) November: 1-9. Universiti Pertanian Malaysia.

Norazila Mat, Jamsari Alias, Nazri Muslim, & Nuraatiqah Abdullah. (2015). Experiential Learning dan Service Learning ke arah meningkatkan kemahiran insaniah pelajar. *Jurnal Personalia Pelajar* 18 (1) 2015: 55-64. Universiti Kebangsaan Malaysia.

Rudd R.D, Baker M.T, & Hoover T. S, (1998) Student Faculty Learning Style within academic unit in the university of Florida. *NACTA Journal*, 42 (3), 18-24. College of Agriculture.

Walker, D. (2003). *Fundamentals of Curriculum: Passion and Professionalism* (2nd ed.): Lawrence Erlbaum.